

NEWS CLIPPING

EVENT	Aplikasi 7-Eleven Terima One2pay
PUBLICATION	Kosmo!
PAGE/SECTION	52/Niaga
DATE	11 January 2018
TIME	-

52 NIAGA

KOSMO! KHAMIS 11 JANUARI 2018

Perluas kepada 6,000 titik sentuh penerimaan dalam setahun

Aplikasi 7-Eleven terima One2pay

KUALA LUMPUR – MOL AccessPortal Sdn. Bhd. (MOL) akan meluaskan aplikasi dompet mudah alihnya, One2pay kepada 6,000 titik sentuh penerimaan dalam tempoh setahun.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MOL Global Inc., Preecha Praipattarakul berkata, aplikasi yang dikawal oleh Bank Negara Malaysia itu menggunakan kod bar atau pembayaran kod QR serta membolehkan rakyat Malaysia membayar di kedai runcit, membeli-belah dalam talian, membayar bil dan menghantar wang ke atas satu sama lain.

"Sebagai titik permulaan, pengguna boleh mula menggunakan aplikasi dompet mudah alih ini untuk membayar di mana-mana kedai 7-Eleven di kawasan Lembah Klang.

"Seterusnya, bermula 17 Januari ini, sebanyak 2,218 kedai 7-Eleven di seluruh Malaysia adalah peruncit pertama yang menerima aplikasi One2pay tersebut.

"Sokongan ini merupakan satu peristiwa penting bagi kami untuk menggalakkan rakyat Malaysia menjadi masyarakat tanpa tunai," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis perasmian aplikasi dompet mudah alih, One2pay dan majlis menandatangani MOU di antara Majlis Amanah Rakyat Corp (Mara Corp) dengan MOL di sini semalam.

Turut hadir Pengerusi Eksekutif Berjaya Corporation, Tan Sri Vincent Tan.

Preecha menjelaskan, pengguna hanya perlu membeli pin tambah nilai One2pay di mana-mana cawangan 7-Eleven di Malaysia.

Selain itu, tambah beliau, MOL ketika ini sedang berbincang dengan syarikat runcit lain termasuk yang terlibat dalam perkhidmatan makanan dan minuman, serta sektor hospitaliti di Malaysia bagi meluaskan lagi penggunaan aplikasi Open2pay.

"Pada masa akan datang, Starbucks, Wendy's, Rasa Utara, Cosway dan Kenny Rogers Roasters di Malaysia akan mula menerima pembayaran dompet mudah alih," katanya.



VINCENT (dua dari kanan) melancarkan One2pay di Kuala Lumpur semalam.